

GARIS PANDUAN

PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH

GUIDELINES OF OPEN
DISTANCE LEARNING (ODL)

Disediakan oleh:

Dr. Abul Khair Bin Anuar (Ketua Editor)
Prof. Dr. Erween Bin Abd Rahim
Ts. Dr. D'oria Islamiah Binti Rosli
Dr. Mohd Shalahuddin Bin Adnan
Dr. Lutfiah Natrah Binti Abbas @ Ahmad
Dr. Syahira Binti Mansur
Ts. Dr. Ahmad Fahmy Bin Kamarudin
Dr. Shazarel Bin Shamsudin

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa keizinan bertulis daripada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kelulusan Jawatankuasa Pengajian Penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut / Program Baru / Pengambilan Pelajar
Bil. 6/2020/2021

Kelulusan Senat
Bil. 1/2021/2022

**GARIS PANDUAN
PEMBELAJARAN TERBUKA DAN
JARAK JAUH**

***GUIDELINES OF OPEN AND
DISTANCE LEARNING (ODL)***

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

KANDUNGAN

GLOSARI	iii
Pengenalan	1
PEMBANGUNAN DAN PENAWARAN PROGRAM ODL	1
Penawaran Program ODL	2
Proses Kelulusan Menawarkan Program	3
Kurikulum Program ODL	3
Kaedah Pengajian Program ODL	4
PENYAMPAIAN DAN PENTAKSIRAN PROGRAM	5
Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	5
Kaedah Pentaksiran	6
PELAJAR	7
Syarat Kemasukan	7
Pemindahan Kredit	7
Tanggungjawab dan Peranan	Error! Bookmark not defined.
STAF AKADEMIK	8
Kelayakan Staf Akademik	8
Peranan Dan Tanggungjawab Pensyarah	Error! Bookmark not defined.
FASILITI	9
Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)	9
Perkakasan Dan Perisian	10
Sistem Sokongan Pelajar	10
Perpustakaan	10
Portal Pelajar	10
Khidmat Kaunseling	11
URUSAN PENDAFTARAN PROGRAM DAN KURSUS	Error! Bookmark not defined.
PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN	Error! Bookmark not defined.

GLOSARI

PERKATAAN/ISTILAH	TAKRIFAN
Akses	Peluang yang diadakan untuk semua bagi membebaskan mereka dari kekangan masa dan tempat.
Bersemuka	Interaksi fizikal yang sebenar atau lain-lain komunikasi melalui media teknologi yang memaparkan pelajar dan tutor / fasilitator / pengajar dalam masa nyata untuk membolehkan respons secara langsung.
Bersemuka Elektronik	Interaksi secara maya melalui media elektronik yang memaparkan pelajar dan tutor / fasilitator / jurulatih berkomunikasi dalam masa nyata (secara langsung pada masa itu).
Bersemuka Konvensional	Interaksi fizikal yang sebenar secara berhadapan di antara pelajar dan tutor / fasilitator / pengajar.
Borang Profil Kelayakan Pelajar	Satu penilaian bagi menilai kesediaan pelajar mengikuti Program ODL
CQI	Penambahbaikan Kualiti Berterusan <i>Continuous Quality Improvement</i>
e-Pembelajaran	Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudah cara proses pembelajaran dan pengajaran.
Fleksibel	Pilihan yang tersedia bagi mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dan dengan apa cara sekalipun.
Infrastruktur dan Infostruktur	Merujuk kepada kepada liputan jaringan internet, pelantar e-pembelajaran, peralatan dan perisian ICT
Kalendar Akademik ODL	Kalendar akademik yang dicadangkan khas bagi pelajar Program ODL.

PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
Pelbagai Mod	Penggunaan pelbagai sistem penyampaian dan sumber pembelajaran.
Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (<i>Open and Distance Learning</i>)	Merujuk kepada peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.
Pemindahan Kredit	Proses memindahkan kredit yang diperolehi dalam pengajian terdahulu, atau semasa mengikuti pengajian semasa.
Pensyarah Kursus	Staf akademik yang dilantik bagi mengendalikan sesebuah kursus di dalam Program ODL
Penyelaras Kursus	Staf akademik yang dilantik bagi menyelaras pelaksanaan sesebuah kursus dengan seksyen yang banyak.
Peraturan Akademik	Peraturan Akademik UTHM sama ada di peringkat pengajian prasiswazah atau pasca siswazah yang diluluskan oleh Senat
Portal Pelajar	Laman sesawang yang mengandungi maklumat berkenaan Program ODL.
Program ODL	Program dengan Mod Pengajian Secara ODL
Sistem Pengurusan Pembelajaran <i>Learning Management System (LMS)</i>	Laman sesawang bagi tujuan PdP pelajar Program ODL. LMS boleh diakses melalui Portal Pelajar

PENGENALAN

1. Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) merujuk kepada penyediaan peluang pendidikan yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai kaedah pemerolehan pengetahuan. ODL sangat diperlukan dalam pendidikan arus perdana kini yang didorong oleh keperluan pembelajaran secara fleksibel serta boleh diakses oleh pelajar dengan menggunakan teknologi dan jaringan internet. Kaedah ODL memungkinkan pembelajaran dan pengajaran dijalankan secara jarak jauh bagi mencapai hasil pembelajaran melalui rekabentuk program yang baik dan kemudahan infrastruktur dan infostruktur teknologi komunikasi yang kondusif.

2. Garis panduan ini diwujudkan bagi menyelaraskan pelaksanaan program prasiswazah dan pascasiswazah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) secara terbuka dan jarak jauh. Ia merujuk kepada tiga sumber utama berkaitan pembelajaran terbuka dan jarak di Malaysia iaitu:
 - i) Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 (DePAN) (2015)
 - ii) *e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs* (2014)
 - iii) Garis Panduan Penawaran Program Akademik dan Jarak Jauh, Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam (2018)
 - iv) Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi ke-2, Jabatan Pendidikan Tinggi (2018).
 - v) Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning, CoPPA ODL*), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Edisi ke-2 (2019).

PEMBANGUNAN DAN PENAWARAN PROGRAM ODL

3. Pembangunan kurikulum Program ODL perlu mengambil kira keperluan yang dinyatakan dalam CoPPA ODL dan standard program (jika ada)

bagi memastikan proses pembangunan Program ODL adalah mengikut kualiti yang telah ditetapkan oleh pihak MQA, badan profesional dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

4. Bidang pengajian Program ODL **mestilah merupakan bidang pengajian yang telah dapat dibuktikan boleh dilaksanakan menerusi ODL.** Fakulti perlu memastikan kelestarian penawaran Program ODL dengan melihat perkembangan, permintaan dan keperluan semasa bagi bidang pengajian tertentu.

Penawaran Program ODL

5. Program ODL boleh ditawarkan pada semua tahap kelayakan tanpa mengira sama ada terdapat atau tidak program setara yang ditawarkan secara konvensional. Program akademik yang ingin ditawarkan secara ODL adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu;
 - a. Program akademik **baharu** dengan Mod Pengajian ODL,
 - b. Program yang membuat **penukaran (*conversion*)** kepada Mod Pengajian ODL dengan menjumudkan program mod konvensional sedia ada;
 - c. Program yang **menambah** Mod Pengajian ODL dan meneruskan program mod konvensional sedia ada.
6. Penawaran Program ODL perlu mengambil kira keperluan melaksanakan program pengajian secara ODL dan permintaan pasaran bagi memastikan kelestarian program. Selain itu, Fakulti/ Pusat yang terlibat perlu mendapatkan pandangan para pemegang taruh sebelum memulakan pembangunan Program ODL.

Proses Kelulusan Menawarkan Program

7. Proses pembangunan Program ODL baharu (**Perkara 5(a)**) perlu mematuhi proses yang dinyatakan di **RPK01 Prosedur Pembangunan dan Rekabentuk Program Akademik Baharu**, manakala proses penukaran dan penambahan mod pengajian Program ODL bagi program konvensional sedia ada (**Perkara 5(b)(c)**) adalah mengikut **RPK02 Prosedur Semakan Program Akademik**.
8. Bagi penukaran dan penambahan Mod Pengajian ODL, Fakulti/ Pusat perlu mendapatkan Akreditasi Sementara dari MQA atau badan profesional yang berkaitan sebelum permohonan dimajukan untuk kelulusan Senat dan KPT.

Kurikulum Program ODL

9. Secara amnya, komposisi kurikulum Program ODL adalah sama seperti kurikulum program pengajian konvensional. Program ODL juga perlu mematuhi keperluan dari standard program dan badan-badan profesional yang berkaitan.
10. Program ODL ialah program akademik yang mempunyai bilangan kredit bagi kursus yang dilaksanakan secara terbuka dan jarak jauh (Kursus ODL) **melebihi 60%** daripada keseluruhan jumlah kredit program. Sesebuah kursus dikategorikan sebagai satu **Kursus ODL sekiranya sekurang-kurangnya 80% Jam Belajar Pelajar (JBP)** disampaikan secara terbuka dan jarak jauh.
11. Kaedah penyampaian dan pentaksiran bagi memenuhi keperluan 80% JBP secara ODL meliputi:
 - a. Kuliah, tutorial dan amali yang dijalankan secara dalam talian

sama ada secara segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*),

- b. Pembelajaran sendiri (*independent learning*),
- c. Pentaksiran secara dalam talian sama ada segerak atau tidak segerak.

Kredit Bergraduat dan Tempoh Pengajian Program ODL

- 12. Jumlah minimum kredit program adalah mengikut keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework, MQF*) atau standard program (jika ada).
- 13. Tempoh minimum untuk Program ODL adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Tempoh minimum pengajian.

Tahap Pengajian	Tempoh Minimum
Diploma*	2.5 tahun
Sarjana Muda*	3 tahun
Sarjana	4 semester lazim 2 tahun
Doktor Falsafah	8 semester lazim 4 tahun

*Tempoh minimum berdasarkan MQF v2

- 14. Tempoh maksimum pengajian adalah merujuk kepada tempoh maksimum pengajian program secara mod bersemuka konvensional.
- 15. Fakulti boleh mencadangkan Kalendar Akademik yang berbeza dari Kalendar Akademik UTHM bagi Program ODL. Walau bagaimanapun, Kalendar Akademik ODL yang dicadangkan haruslah fleksibel dan sesuai dengan keperluan pelajar, dan perlu mendapat kelulusan Senat

UTHM.

16. Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Program ODL mestilah dilaksanakan menerusi Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System*, LMS) rasmi yang disediakan oleh UTHM.

PENYAMPAIAN DAN PENTAKSIRAN PROGRAM

17. Kaedah penyampaian dan pentaksiran yang digunakan dalam Program ODL perlu dijajarkan secara konstruktif (*constructive alignment*) bagi memastikan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dan Hasil Pembelajaran Program (PLO) tercapai. Penyelaras kursus dan/ atau pensyarah kursus hendaklah mempunyai autonomi untuk memastikan penyampaian dan pentaksiran dapat dilaksanakan dengan efektif dalam Program ODL.

Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

18. Fakulti perlu menubuhkan jawatankuasa bagi pembangunan Bahan Pembelajaran Kendiri (*Self Instructional Materials*, SIM) yang bersesuaian dengan keperluan *self directed learners*. Semua SIM hendaklah dimuatnaik ke LMS rasmi UTHM.
19. Fakulti mesti mendorong inovasi dalam PdP bagi menggalakkan interaksi dua hala di antara pensyarah dan pelajar, sama ada secara segerak atau tidak segerak. Proses pentaksiran yang efektif adalah perlu bagi memantau aktiviti pembelajaran pelajar.
20. SIM untuk Program ODL boleh disediakan dengan berdasarkan kepada Garis Panduan Pembangunan *Self Instructional Material* (SIM) UTHM.
21. Fakulti boleh mempertimbangkan keperluan hak harta intelek dan polisi pelesenan untuk SIM yang dihasilkan. Undang-undang hak cipta

dan amalan terbaik mesti direkod dan dibuat pemantauan.

Kaedah Pentaksiran

22. Kaedah pentaksiran pelajar mesti jelas, konsisten, berkesan, boleh dipercayai dan sesuai dengan amalan semasa. Pentaksiran dalam talian mesti dilaksanakan mengikut dasar-dasar akademik UTHM yang sedang terpakai bagi memastikan keselamatan, kredibiliti, kesahan, kebolehpercayaan, ketekalan (*consistency*) dan keadilan dalam menjalankan pentaksiran pelajar.
23. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan pentaksiran mesti diujarkannya dengan hasil pembelajaran, dan perlu selari dengan tahap kelayakan MQF pengajian. Penjajaran antara pentaksiran dan hasil pembelajaran mesti dikaji secara sistematik dan berkala untuk memastikan penambahbaikan kualiti berterusan (*Continuous Quality Improvement, CQI*).
24. Kekkerapan, kaedah, dan kriteria pentaksiran pelajar mesti direkod dan dimaklumkan kepada pelajar seawal hari pendaftaran program. Perubahan kaedah pentaksiran terhadap pelajar perlu mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan dan dimaklumkan kepada pelajar sebelum pelaksanaannya.
25. Kaedah Pentaksiran bagi Program ODL seharusnya fleksibel dan memfokuskan kepada pentaksiran alternatif seperti pentaksiran berdasarkan prestasi (*performance-based assessment*), pentaksiran autentik (*authentic assessment*), pentaksiran ketersendirian (*personalised learning*), dan pentaksiran berasaskan portfolio.

PELAJAR

Syarat Kemasukan

26. Pemilihan pelajar bagi mengikuti Program ODL mestilah mematuhi syarat, peraturan dan polisi yang berkaitan dengan pemilihan dan kemasukan pelajar yang sedang berkuatkuasa. Proses pemilihan dan kemasukkan pelajar perlu dilakukan secara berstruktur, objektif dan telus dengan melakukan pemantauan secara berkala.
27. Syarat kemasukan bagi setiap Program ODL adalah sama dengan program konvensional. Kemasukan menggunakan pengalaman kerja boleh dipertimbangkan melalui APEL A dengan mematuhi peraturan yang seperti yang dinyatakan di Garis Panduan APEL (A) UTHM.

Pemindahan Kredit

28. Pemindahan kredit boleh dilakukan berpandukan kepada Peraturan Akademik dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa, antaranya melalui sijil kelayakan terdahulu, *Massive Open Online Course (MOOC)*, *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL (C))*, dan *Micro-credentials*. Permohonan pemindahan kredit perlu dimohon oleh pelajar mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak Fakulti/Pusat.

Pendaftaran Kursus dan Perkuliahan

29. Pelajar bertanggungjawab mendaftar dan mengikuti kursus yang ditetapkan dalam kurikulum melalui Portal Pelajar mengikut masa dan peraturan yang telah ditetapkan oleh UTHM.
30. Pelajar perlu menghadiri sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah

sesi bersemuka (fizikal dan dalam talian) yang telah ditetapkan berdasarkan jadual pelaksanaan dan pelan PdP kursus. Pelajar tidak perlu hadir secara fizikal di UTHM sepanjang pengajian kecuali jika tertulis di struktur program pengajian.

31. Pelajar bertanggungjawab memastikan semua tugas dan aktiviti pentaksiran yang diikuti adalah hasil kerja mereka sendiri dan bukannya hasil kerja pelajar lain. Tindakan tatatertib boleh dikenakan jika pelajar didapati terlibat melakukan penyelewengan akademik berdasarkan kepada Peraturan Akademik sedia ada.

STAF AKADEMIK

Kelayakan Staf Akademik

32. Pensyarah Kursus yang dilantik mesti mempunyai kelayakan akademik/ pengalaman industri berkaitan dengan bidang/ disiplin kursus yang diajar berdasarkan keperluan standard program dan amalan baik yang dikeluarkan oleh MQA. Bagi program yang diiktiraf oleh badan profesional, kelayakan staf akademik perlu merujuk kepada program standard yang dikeluarkan oleh badan profesional tersebut.
33. 60% dari keseluruhan Pensyarah Kursus yang terlibat dengan ODL mestilah berstatus tetap. Lantikan pensyarah separuh masa/ kontrak perlu tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar.
34. Pensyarah kursus yang terlibat dalam program ODL perlu melalui latihan pengendalian pengajaran dan pembelajaran secara ODL agar kompeten dari segi pedagogi dan teknologi pengajaran seperti mengendalikan kuliah bersemuka menerusi media elektronik, memuatnaik bahan di LMS dan sebagainya.

35. Fakulti perlu mempunyai bilangan Penyelaras dan Pensyarah Kursus yang mencukupi untuk menjalankan Program ODL. **Jadual 2** menunjukkan contoh bilangan pelajar, Penyelaras dan Pensyarah Kursus yang sesuai bagi program ODL.

Jadual 2: Bilangan pelajar, pensyarah bagi Program ODL

Bilangan pelajar	Bilangan Penyelaras	Pensyarah Kursus
< = 360	1	12
361 – 720	2	24
721 - 1080	3	36

(Sumber: Garis Panduan Beban Staf Akademik, MQA)

36. Setiap Pensyarah Kursus dibenarkan mengendalikan maksimum 3 kursus pada satu-satu masa bagi memastikan beban akademik pensyarah adalah berpadanan.

Penyampaian dan Pentaksiran

37. Penyelaras/ Pensyarah Kursus bertanggungjawab untuk membangunkan SIM bagi semua kursus di dalam kurikulum dan perlu melaksanakan pengajaran dan pentaksiran ODL kepada pelajar.
38. Pensyarah bertanggungjawab untuk memastikan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan tercapai dan membuat penilaian kursus bagi tujuan CQI.

FASILITI

Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)

39. LMS membolehkan pelajar untuk memperoleh bahan pembelajaran, menghantar tugas, mendapatkan informasi dan berkomunikasi bersama rakan dan pensyarah.

40. Kriteria LMS yang dipilih merangkumi:
- a. Kemampuan menampung pelbagai kapasiti pengguna,
 - b. Mesra pengguna,
 - c. Keberadaan sokongan teknikal,
 - d. Boleh dicapai melalui peranti mudah alih.

Perkakasan Dan Perisian

41. Staf akademik dan pelajar yang terlibat dalam Program ODL memerlukan akses terhadap komputer peribadi, internet jalur lebar dan pelayar laman sesawang yang terkini.

Sistem Sokongan Pelajar

42. Pelajar ODL perlu melalui kursus induksi untuk memperkenalkan mereka dengan kaedah PdP secara ODL.
43. Pelajar ODL akan diberikan akses kepada segala kemudahan yang ditawarkan oleh UTHM, sama seperti yang diterima oleh pelajar program konvensional. Ini termasuk bantuan kewangan, kemudahan rekreasi, perkhidmatan dalam talian, dan khidmat kaunseling.

Perpustakaan

44. Pelajar ODL diberi kebenaran untuk mendapatkan e-jurnal, e-buku dan pangkalan data dalam talian melalui <https://login.ezproxy.uthm.edu.my/login>

Portal Pelajar

45. Pelajar boleh mengakses portal di laman sesawang (<https://virtual.uthm.edu.my/>) bagi mendapatkan maklumat penting termasuk rekod kemasukan, yuran pengajian dan keputusan

peperiksaan.

Khidmat Kaunseling

46. Pelajar ODL mempunyai akses terhadap khidmat kaunseling melalui <https://pcu.uthm.edu.my/>.